

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI PERASMIAN SEMINAR ANTI DADAH PERINGKAT
NEGERI, ANJURAN PERSATUAN ISTERI-ISTERI
WAKIL-WAKIL RAKYAT DAN PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN (PEKERTI)
DI GELANGGANG BUDAYA, PAROI
PADA HARI SABTU, 23HB. OGOS, 1986
PUKUL 10.00 PAGI

Yang Mulia Puan Pengerusi;

Yang Amat Berhormat Dato' Mohd. Isa,
Menteri Besar Negeri Sembilan;

Yang Berbahagia Datin Hazizah,
Pengerusi PEKERTI;

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana di atas limpah keizinanNya dapat saya hadir di majlis perasmian Seminar Anti Dadah Peringkat Negeri pada pagi ini. Negeri Sembilan merupakan negeri yang pertama melancarkan kempen anti-dadah ini dan saya bangga dengan usaha PEKERTI membantu Kerajaan membanteras masalah penagihan dadah. Sebagai sebuah persatuan yang dianggotai oleh isteri-isteri Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan negeri, saya percaya PEKERTI dapat memberi kepimpinan yang efektif dan menjadi contoh kepada badan-badan sukarela yang lain

bagaimana hendak memerangi wabak dadah yang berleluasa di negara kita ini.

Para hadirin sekalian,

Pengenalan Kepada Penyalah-gunaan Dadah

2. Penyalah-gunaan dadah di negara kita telah wujud sebelum Perang Dunia Pertama lagi. Kemunculan masalah dadah di masa itu berkait rapat dengan kemasukan buruh-buruh asing dari negara Cina secara beramai-ramai ke negara ini dalam pertengahan abad yang ke-19. Golongan yang terlibat ketika itu ialah golongan tua yang terdiri daripada orang-orang Cina yang menghisap candu. Pada akhir tahun-tahun 1960an, seperti di negara-negara lain di rantau ini, negara kita mulai mengalami masalah dadah secara serius yang mana menimbulkan kebimbangan di kalangan orang ramai. Golongan remaja yang terlibat semenjak tahun 60an dipengaruhi oleh kebudayaan 'hippie' dan askar-askar Amerika yang melancung ke Pulau Pinang untuk bercuti rehat dari medan peperangan di Vietnam Selatan. Asal daripada kedua pengaruh tersebut, penagihan dadah telah merebak ke seluruh negara kita. Jenis dadah yang digunakan sekarang ialah heroin, morphin dan dadah tiruan di samping candu dan ganja. Kebanyakan penagih-penagih dadah sekarang ini terdiri daripada anak-anak Melayu golongan remaja di bawah umur 30 tahun.

Lokasi Malaysia Berdekatan Dengan Golden Triangle

3. Masalah dadah di negara kita bertambah rumit lagi kerana lokasi negara kita berhampiran dengan satu daripada kawasan pengeluaran dadah terbesar di dunia, iaitu kawasan yang dinamakan 'Golden Triangle' atau Tiga Segi Emas di mana terletaknya negara-negara Burma, Thailand dan Laos. Kawasan hutan di antara ketiga buah negara ini ditanam dengan pokok-pokok 'poppy'¹. Oleh kerana negara kita berhampiran dengan kawasan Tiga Segi Emas ini, maka negara kita telah

dijadikan negara perantara, iaitu sebagai saluran bagi penyeludupan dan pengedaran dadah. Keadaan ini bertambah rumit lagi kerana negara kita mempunyai komunikasi yang baik, mempunyai garisan laut yang luas dan merupakan negara yang berkongsi sempadan dengan semua negara ASEAN. Jadi adalah senang bagi dadah diseludupkan ke dalam negara kita melalui laut dan darat, terutama dari utara Semenanjung.

Akibat Penyalahgunaan Dadah Kepada Muda-Mudi Dan Keluarga

4. Golongan muda yang terlibat dalam penagihan dadah merupakan pemuda-pemudi harapan bangsa dan negara dan terjerumusnya mereka dalam alam khayalan ini mengakibatkan mereka bukan sahaja tidak berguna kepada masyarakat tetapi juga kepada diri mereka sendiri. Keluarga penagih dadah tidak akan hidup sempurna kerana kerap juga penagih mencuri dari keluarga sendiri untuk menampung amalan hidup mereka yang dikeji ini. Penagih juga mungkin menjadi gila ataupun jatuh sakit akibat penagihan dadah yang boleh membawa maut dalam kes-kes yang teruk dan yang tidak dapat diubah lagi. Alangkah hibanya perasaan seseorang ibu bapa jika anak yang disayangnya, anak yang diharap-harapkannya menemui ajal akibat penagihan dadah? Pendek kata, jika penggunaan dadah berkembang di kalangan rakyat, ini akan merugikan keluarga, masyarakat dan negara.

Para hadirin sekalian,

Usaha Kerajaan

5. Kerajaan memandang berat terhadap masalah penagihan dadah di kalangan golongan muda. Memandang kepada hakikat inilah maka kerajaan telah mengambil sikap yang tegas terhadap pengedaran dadah, dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk melindungi rakyat termasuklah undang-undang yang amat ketat dan yang perlu kita banggakan. Oleh itu,

kerajaan telah melancarkan kempen anti-dadah di seluruh negara secara meluas dan kempen ini akan berterusan. Oleh kerana bekalan dadah datangnya dari luar negeri, maka Kerajaan telah mendapat kerjasama di peringkat antarabangsa untuk bersama-sama memerangi wabak dadah di seluruh dunia. Nyata sekali usaha-usaha Kerajaan dan negara kita telah mendapat perhatian Bangsa-bangsa Bersatu dan negara-negara asing.

Penglibatan Masyarakat Dalam Kempen Anti-Dadah

6. Walaupun Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memerangi wabak dadah, namun demikian tanggungjawab untuk memerangi dadah seharusnya juga kita pikul bersama. Tindakan pencegahan dadah yang berkesan memerlukan penglibatan semua golongan masyarakat. Ini adalah masalah yang menular di dalam masyarakat kita dan oleh demikian setiap anggota masyarakat mempunyai peranan yang penting dalam membantu usaha-usaha Kerajaan memerangi penyalah-gunaan dadah di kalangan muda-mudi kita. Saya percaya usaha-usaha yang telah dijalankan secara ini boleh dipertingkatkan lagi, memandangkan banyak pertubuhan dalam masyarakat yang masih belum lagi menyertai dan melibatkan diri dalam usaha-usaha memerangi dadah. Saya berharap ramai lagi pertubuhan-pertubuhan atau individu-individu akan tampil ke hadapan untuk bersama-sama memperhebatkan tindakan menentang musuh negara ini.

Para hadirin sekalian,

Muda-Mudi Dan Dadah

7. Masalah dadah ini sedikit sebanyak disebabkan oleh perubahan kebudayaan dan adat resam kita. Dahulu anak muda kita lebih terkawal dan mereka terdedah semata-mata kepada kebudayaan bangsa sendiri dan tunjuk-ajar ibu bapa. Tetapi sekarang, anak muda kita lebih bebas, terdedah kepada

bermacam-macam pengaruh asing dan. tidak sebegitu mudah dididik oleh ibu bapa. Mereka bersekolah dan mendapat berbagai kemudahan untuk melanjutkan pelajaran. Dalam keadaan ini mereka lebih mengutamakan pandangan rakan dan kawan daripada pandangan ibu bapa dan keluarga. Dengan demikian mereka mudah terlibat dengan kegiatan-kegiatan luar yang tidak sihat, Untuk disanjung oleh kawan, mereka menunjukkan keberanian dengan menghisap rokok dan dadah. Sekali mereka bermula maka amat sukar bagi mereka memberhentikan amalan buruk ini kerana takut disindir oleh kawan. Tidak lama kemudian mereka sudah menjadi penagih dadah dan tidak dapat lagi memberhentikan tabiat buruk itu. Jika mereka diubati sehingga pulih sekalipun, kerap kali mereka balik kepada tabiat menagih dadah. Pendekata, sekali mereka menjadi penagih maka . amat sukar bagi mereka melepaskan diri. Justeru itu adalah penting mereka dikawal dari awal lagi supaya tidak bermula.

Kawalan Oleh Ibu Bapa

8. Tugas mengawal anak kita tentulah bermula di rumah. Mereka harus dididik daripada kecil lagi bahawa dadah itu benda yang kotor dan tidak boleh disentuh. Jika kita dapat menanam ini dalam hati sanubari anak-anak kita dari awal-awal lagi, maka sebahagian daripada kejayaan mencegah dadah akan tercapai. Ibu bapa juga harus mengawal gerak-geri anak-anak mereka supaya mereka tidak bercampur-gaul dengan kumpulan-kumpulan yang tidak terkawal. Anak-anak harus ada di rumah pada waktu-waktu tertentu. Saya yakin jika ibu bapa dapat menyemai nilai-nilai yang baik dan mengawal sedikit kebebasan anak remaja, penagihan dadah di kalangan mereka akan dapat dikurangkan.

Pengaruh Barat

9. Dalam mengawasi gerak-geri anak-anak muda kita, ibu bapa harus juga mengawasi lagu-lagu yang menjadi kegemaran

mereka. Tidak boleh dinafikan bahawa ramai penghibur-penghibur Barat seperti penyanyi dan pelakon adalah penagih dadah. Bahkan ramai di antara mereka telah mati akibat daripada 'drug overdose'. Mereka memuji dadah melalui lagu-lagu mereka dan kalau ditinjau senikata lagu-lagu mereka, terdapat banyak yang mendewa-dewakan dadah. Penyanyi-penyanyi Barat digemari oleh pemuda-pemudi di seluruh dunia termasuk Malaysia. Sebagai 'role model' kepada generasi muda, maka apa yang dibuat atau disuruh oleh penyanyi-penyanyi itu kerap kali diikuti oleh peminat-peminat mereka tanpa banyak soal. Kalau disuruh memakai bunga di kepala seperti dalam tahun-tahun enam puluhan - iaitu kebudayaan hippie - maka kelihatan lelaki dan perempuan memakai bunga dan khayal menghisap dadah. Kalau disuruh melobi kerajaan untuk menghalalkan marijuana, maka beratus ribu berarak di Amerika untuk meminta Kerajaan Amerika menghalalkan penghisapan marijuana, kononnya marijuana itu tidak merbahaya. Jelaslah kepada kita bahawa penyanyi-penyanyi Barat berpengaruh ke atas anak-anak muda kita.

Tindakan Isteri Ahli-Ahli Kongres Atas Lagu-Lagu Pop

10. Sekarang, di Amerika, ibu bapa telah sedar dan menyuarakan kebimbangan mereka terhadap pengaruh penghibur-penghibur, terutama penyanyi, ke atas anak-anak mereka. Kita telahpun membaca dari akhbar beberapa penyanyi-penyanyi, artis-artis, bintang-bintang filem dan ahli-ahli sukan Barat terjerumus dalam dadah. Baru-baru ini juga jaguh sukan yang terkenal di Amerika, Len Bias dan Don Rogers - harapan bangsa untuk merebut pingat-pingat emas dalam Sukan Olimpik - telah mati mangsa dadah.

11. Semua ini mendorong sekumpulan isteri Ahli-Ahli Kongres dan Kabinet Amerika melobi Kongres Amerika supaya menggubal undang-undang untuk memaksa syarikat-syarikat yang

mengeluarkan rekod atau pita rakaman melekatkan amaran ke atas rekod atau pita itu bahawa seni-kata sesebuah lagu itu tidak sesuai untuk anak-anak muda. Usaha mereka itu ditentang hebat oleh penyanyi-penyanyi yang menyatakan bahawa amaran seperti itu menyekat kebebasan hak asasi mereka. Walau bagaimanapun, ibu-ibu menyokong usaha isteri Ahli-Ahli Kongres itu dan publisiti mengenai kes ini telah menarik perhatian ramai terhadap pengaruh lagu-lagu yang tidak sihat ini ke atas anak-anak muda.

12. Di negara kita, keadaan mungkin tidak begitu buruk tetapi jangan kita anggap bahawa perkara seperti ini tidak berlaku. Kita tidak menghalang lagu-lagu 'pop' atau 'rock' tetapi kita perlu awasi dan tapis senikata-senikata yang berjodol dan mirip kepada kegunaan dadah, seks dan lain-lain unsur yang tidak sihat. Kalau kita tidak mengambil amalan dari perkara yang berlaku di Amerika dan menyuarakan kebimbangan terhadap bahayanya seni-kata lagu-lagu 'pop' atau 'rock' maka banyak lagi anak-anak muda akan terikut-ikut dan terjerumus dalam alam penagihan dadah.

Peranan Ibu Bapa

13. Selain daripada didikan dan pemeliharaan anak sendiri, ibu bapa hendaklah juga mengambil bahagian dalam gerakan pencegahan dan memerangi dadah. Kita harus sedar bahawa apa yang kita lakukan ke arah matlamat mencegah penyalah-gunaan dadah ini adalah untuk menyelamatkan bukan sahaja anak dan keluarga kita sendiri bahkan generasi muda untuk mewujudkan satu bangsa yang bermaruah dan dihormati. Memandangkan masalah ini telah melibatkan semua kaum, semua golongan masyarakat dan semua negeri di Malaysia, maka adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa daripada semua kaum untuk bersatu dan bersama-sama berganding bahu menentang ancaman ini secara bersungguh-sungguh dan berterusan.

Para hadirin sekalian,

Sebab-sebab Menjadi Penagih

14. Memadailah kita memahami bahawa sebahagian besar penagih-penagih dadah di negara kita terdiri daripada golongan remaja antara 15-29 tahun. Antara sebab-sebab utama mereka ini menjadi penagih ialah kerana keseronokan, kerana sikap ingin tahu, kerana pengaruh persekitaran yang mana di antaranya ialah pengaruh rakan sebaya, tekanan emosi disebabkan oleh sama ada kegagalan, kerana tidak dapat kasih sayang dari ibu bapa atau kerana kemewahan. Kaitan rapat masalah penagihan dadah di kalangan anak-anak dengan keluarga jelas ketara dalam sekurang-kurangnya 45% penagih yang dikenal-pasti. Yang paling menonjol ialah merosotnya pertalian kekeluargaan dan kurangnya sokongan ibu bapa terhadap kehendak atau cita-cita seseorang anak itu. Faktor kedua yang paling menonjol ialah terasingnya anak-anak berkenaan daripada ibu bapa kerana ibu bapa terlalu sibuk menjalankan tugas masing-masing. Anak-anak ini biasanya kekurangan kasih sayang. Satu lagi sebab ialah kerana wujudnya harapan ibu bapa yang terlalu tinggi terhadap anak-anaknya yang mengakibatkan kekecewaan anak-anak berkenaan apabila menempoh kegagalan.

15. Dalam hal demikian ibu bapa perlulah menyesuaikan cara didikan terhadap anak-anak supaya mereka tidak merasa terasing, mendapat kasih sayang yang secukupnya, tidak tertekan dan tidak terlalu mewah. Ibu bapa seharusnya mewujudkan suasana harmonis di dalam rumahtangga yang mana anak-anak mereka sentiasa mendapat tempat dalam hidup rumah tangga yang rukun dan bersefahaman. Marilah kita bersama-sama berusaha untuk menjauhkan keluarga kita daripada bencana dadah yang boleh menghancurkan segala cita-cita, keharmonian dan kesejahteraan keluarga. Pastikan bahawa rumahtangga kita bersih dari masalah penyalah-gunaan dadah ini.

Para hadirin sekalian,

16. Seperti yang puan-puan sedia maklum BAKTI telah menganjurkan Persidangan Kebangsaan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pencegahan Dadah pada bulan Oktober, 1985 di Kuala Lumpur. Oleh kerana persidangan itu diadakan di peringkat kebangsaan maka hanya beberapa peserta sahaja dari setiap negeri dapat hadir. Dengan pelancaran kempen anti dadah di peringkat negeri maka ramai lagi peserta dapat menghadirinya dan maklumat mengenai penyalah-gunaan dadah dapat disebarikan di seluruh negeri. Di antara lain, persidangan tersebut telah membincangkan dan mengenali langkah-langkah yang perlu diambil bagi memerangi wabak dadah ini. Adalah difikirkan bahawa rumusan dan keputusan daripada persidangan tersebut perlu disalurkan ke peringkat negeri dan seterusnya ke daerah-daerah dan kampung-kampung supaya usaha-usaha membasmi dadah dapat dijalankan oleh semua golongan masyarakat.

17. Susulan daripada Persidangan Kebangsaan BAKTI itu, NACIWID (Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan) telah mengadakan Bengkel merumuskan strategi bagi menyediakan satu rancangan yang realistik yang dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dalam usaha-usaha kita mempertingkatkan pencegahan penyalah-gunaan dadah di negara kita. Hasil daripada Bengkel ini ialah Pelancaran Pergerakan Ibu bapa dalam Pencegahan Dadah pada 9hb. Julai 1986 dan diharap rumusan-rumusan yang dilahirkan akan dilaksanakan melalui Pergerakan Ibu Bapa dalam Pencegahan Dadah ini.

18. Saya percaya PEKERTI boleh memainkan peranan yang penting bagi menyebarkan maklumat dari persidangan dan bengkel tersebut untuk tindakan ibu bapa di seluruh Negeri Sembilan. Saya berharap agar PEKERTI di bawah pimpinan Yang Berbahagia Datin Hazizah yang telah menghadiri persidangan

BAKTI tersebut akan meneliti rumusan-rumusan daripada persidangan itu untuk melaksanakan syor-syor yang dibuat di persidangan tersebut.

19. Bagi peserta-peserta Seminar Anti Dadah Peringkat Negeri ini saya mengucapkan selamat bersidang dan berharap mereka akan berbincang cara-cara yang baik untuk melibatkan ibu bapa dalam pergerakan mencegah dadah di kalangan anak-anak muda kita. Ambillah peluang ini untuk mengeluarkan pendapat dan buah fikiran puan-puan kerana puan-puanlah yang lebih mengetahui masalah yang dihadapi oleh anak-anak remaja dewasa ini. Saya berharap para hadirin sekalian akan bersama-sama bertanggungjawab dalam usaha mencegah penyalah-gunaan dadah ini walaupun tidak ada masalah itu dalam keluarga sendiri. Dengan harapan ini, saya berdoa semoga persidangan ini kelak akan memberi manfaat kepada ibu bapa khususnya dan masyarakat Negeri Sembilan khususnya.

Saya, Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang, merasmikan Seminar Anti Dadah Peringkat Negeri Anjuran PEKERTI ini.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
